

A Tulis perkataan sinonim bagi perkataan yang bergaris dalam ayat.

- 1 Jabatan kebajikan masyarakat memberi pekerjaan kepada pengemis yang hidup dalam keadaan daif itu.
- 2 Kim Han akur akan keputusan guru disiplin yang mendendanya kerana datang lewat ke sekolah.
- 3 Sikap yang perlu ada pada diri seseorang hakim adalah saksama.

B Tulis perkataan antonim bagi perkataan yang bergaris dalam ayat.

- 1 Ibu mengarahkan saya agar menyimpan gunting yang tajam itu di dalam laci.
- 2 Ayah Kumar menanam pelbagai jenis pokok yang renek.
- 3 Abang berasa silau kerana terpendang cahaya yang sangat terang itu.

C Pilih perkataan sinonim yang sesuai dengan perkataan bergaris.

- 1 Kereta kakak nyaris terbabas kerana dia memandu secara berbahaya.
A hampir B rapat C dekat D jauh
- 2 Kawan-kawan Joe Ann berasa takjub akan semangatnya yang tidak berputus asa.
A gembira B biasa C terharu D kagum
- 3 Amir terkenal dengan sikapnya yang sangat taat akan ibu bapanya.
A derhaka B tunduk C patuh D biadap

D Pilih perkataan antonim yang sesuai dengan perkataan bergaris.

- 1 Tiada seorang pun manusia yang boleh hidup abadi di dunia ini.
A kekal B sementara C sentiasa D selamanya
- 2 Murni menjerit kesakitan kerana terkena minyak panas semasa memasak di dapur.
A sejuk B mendidih C menggelegak D beku
- 3 Dompot Khairil diperbuat daripada kulit yang asli.
A berkualiti B asal C bermutu D tiruan